



SIARAN MEDIA

CYPARK RESOURCES BERHAD

Untuk Siaran Segera

Menteri Besar Kedah Lancar Pelan Induk Tenaga Boleh Diperbaharui dan Projek Sik 30 Megawatt LSS2

Alor Setar, 21 Julai 2019

Menteri Besar Incorporated (MBI) Kedah pada hari ini telah melancarkan Pelan Induk Tenaga Boleh Diperbaharui Negeri Kedah dan Projek Sik 30 MW LSS2 bagi menjamin pembangunan negeri seiring dengan kelestarian alam sekitar. Program yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah itu turut disertai oleh Tan Sri Razali Ismail, Pengerusi Eksekutif Cypark Resources Berhad dan Dato' Daud Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cypark Resources Berhad.

Pelan Induk Tenaga Boleh Diperbaharui Negeri Kedah yang dibangunkan bersama Cypark Resources Berhad, sebuah syarikat pemaju Tenaga Boleh Diperbaharui Bersepadu serta pembekal Tenaga Hijau ternama di Malaysia, merupakan kesinambungan daripada Inisiatif Hijau Negeri Kedah (Kedah Green Initiatives) yang telah dilancarkan pada April 2017 oleh YAB Menteri Besar Kedah. Objektif utama Pelan Induk ini menggariskan hasrat kerajaan negeri untuk melonjak masa depan Negeri Kedah dalam sektor Tenaga Boleh Diperbaharui serta bagi menjamin kedudukan Negeri Kedah dalam penjanaan tenaga boleh diperbaharui daripada tenaga Solar, Bio-tenaga dan Hidroelektrik.

Pelan Induk yang progresif dan berwawasan ini mensasarkan peningkatan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di Negeri Kedah daripada 200 MW ke 2,000 MW menjelang tahun 2030. Adalah dijangkakan pelaburan masa depan Negeri Kedah dalam inisiatif ini akan berada di antara RM6 hingga RM8 bilion serta membuka kira-kira 30,000 peluang pekerjaan baru kepada rakyat Negeri Kedah.

Turut dilancarkan dalam majlis yang sama, Projek Solar 30 MW LSS2 di Sik, Kedah yang dibangunkan oleh Cypark Resources Berhad dan dijangka beroperasi sepenuhnya dalam suku ke-empat tahun 2020.

“Projek ini membuktikan komitmen Cypark untuk merealisasikan Agenda Hijau Negeri Kedah (Kedah Green Agenda) yang merangkumi pembangunan pusat kecemerlangan teknologi solar, pemantapan pengurusan kelestarian tenaga, pemangkin Pemerolehan Hijau Kerajaan serta pengwujudan pusat-pusat data hijau dan pemulihan data hijau,” kata Tan Sri Razali Ismail, Pengerusi Cypark Resources Berhad.



SIARAN MEDIA

CYPARK RESOURCES BERHAD

“Cypark berharap agar langkah seumpama ini bakal membuka pelaburan masa depan Negeri Kedah, bukan sahaja dalam pembinaan loji tenaga solar tetapi dalam bio-tenaga dan Waste-To-Energy (WTE) atau Loji Sisa Kepada Tenaga, di mana kepakaran untuk membina serta mengoperasi adalah diterajui oleh Cypark,” tambah Tan Sri Razali.

Ladang Solar 30MW LSSR di Sik, Kedah ini adalah salah satu daripada tiga projek-projek LSS2 yang sedang dijalankan oleh Cypark di bawah kelolaan Turnkey EPCC yang sama, di mana pembiayaan projek adalah melalui dana program SRI Sukuk Murabahah, seperti yang telah diumumkan baru-baru ini. Projek lain yang dimaksudkan di sini adalah projek berkembar 30MW Solar Terapung PV (FPV) bertempat di Empangan Kelinchi dan Terip di Negeri Sembilan. Kedua-dua projek FPV ini bakal menjadi projek solar terapung yang terbesar di dunia, apabila siap beroperasi pada tahun 2020 kelak.

-Tamat-

Wakil Media sila hubungi Suhaili Mat Deli/ Mohd Helmey Abd Kadir/ Wan Azurin Zulkernaini (Cypark Resources Bhd) di talian +6 03 7660 6170 / +6 03 7954 0208 atau alamat e-mel suhailimd@crbenv.com/
helmey@crbenv.com/
wanzurin@crbenv.com

Tentang Cypark Resources Berhad

Cypark Resources Berhad telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 15 Oktober 2010. Cypark merupakan pakar teknologi dan kejuruteraan alam sekitar khususnya dalam bidang tenaga boleh diperbaharui bersepadu, penyelesaian pengurusan sisa dan pemulihan alam sekitar. Ia mempunyai pengalaman mendalam di dalam teknologi untuk mengurus dan mengubah kawasan yang tercemar kepada kawasan yang mampan dan terurus, dengan persekitaran hidup yang lebih baik dan lebih selamat. Cypark memiliki kepakaran dan pengetahuan teknikal dalam membangunkan taman tenaga boleh diperbaharui (RE) terutamanya di kawasan tanah yang dipulihkan, membolehkan sisa biojisim, gas daripada tapak pelupusan dan tenaga solar yang terhasil dimanfaatkan untuk menghasilkan tenaga hijau.

Cypark turut menyediakan penyelesaian alam sekitar dan memberi tumpuan kepada bidang pengurusan sisa, penjanaan tenaga boleh diperbaharui, penutupan saintifik dan pemulihan tanah yang tercemar melalui teknologi yang dibangunkan, pemulihan tapak pelupusan, penilaian air tanah, pemulihan dan sistem maklumat, pemantauan alam sekitar dan pengurusan serta rawatan air sisa. Antara projek-projek transformasi alam sekitar adalah kerja pemulihan tanah lombong terbiar menjadi taman awam di Cyberjaya dan penutupan saintifik 17 tapak pelupusan sampah di seluruh negara.

Sebagai peneraju dalam Tenaga Boleh Diperbaharui Bersepadu, Cypark turut menerima anugerah di peringkat tempatan serta antarabangsa seperti 1. ASEAN Energy Award (2014 & 2016), 2. Power & Electricity Award (Asia) - Solar Project of the Year 2013, 3. Asian Power Awards (2012 & 2016), – Power Utility of the Year 2012



SIARAN MEDIA

CYPARK RESOURCES BERHAD

(Malaysia) 4. Finance Asia Magazine (2015) -Asia's Best Companies 2015 5. Malaysian GreenTech Awards (2012 & 2014) 6. Malaysia Book of Records untuk 'Grid-Connected Terbesar Taman Solar' dan 'Bilangan Panel Solar terbanyak pada Solar Park Grid-Connected' (di atas tapak pelupusan yang ditutup selamat).

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami di www.crbenv.com



SIARAN MEDIA

CYPARK RESOURCES BERHAD

Foto 1:



Kapsyen: Majlis Pelancaran dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir yang juga merupakan Pengerusi MBI Kedah.

Dari kiri ke kanan:

YB Tan Kok Yew, Exco Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan); Dato' Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah ; Tan Sri Razali Ismail, Pengerusi Eksekutif Cypark Resources Berhad; YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah; Dato' Daud Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cypark Resources Berhad; Dr. Mahadi Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif MBI Kedah; dan Dato' Ahmad Pharmy bin Abd Rahman, Pengarah Viva Solar Sdn Bhd.



SIARAN MEDIA

CYPARK RESOURCES BERHAD

Foto 2:



Kapsyen: YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir mendengar taklimat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cypark Resources Berhad, Dato' Daud Ahmad berkenaan Model 3D Projek Solar MW LSS2 di Sik, Kedah.

Dari kiri ke kanan:

Dato' Daud Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cypark Resources Berhad; Achmat Nadhrain Ibrahim, Pengurus Besar Kanan Cypark Resources Berhad; Dr. Mahadi Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif MBI Kedah; Tan Sri Razali Ismail, Pengerusi Eksekutif Cypark Resources Berhad; dan YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah



SIARAN MEDIA

CYPARK RESOURCES BERHAD

Foto 3:



Kapsyen: YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Mahathir menerima memento majlis pelancaran daripada Tan Sri Razali Ismail, Pengerusi Eksekutif Cypark Resources Berhad, dan disaksikan oleh Dato' Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah serta YB Tan Kok Yew, Exco Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan).